



**NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA**

No. Sebut Harga : **PPj/SH(S)/JW/18/2021**

Tajuk Sebut Harga :

**CADANGAN MEMBEKAL CENDERAMATA UNTUK PROGRAM PEMBERIAN INSENTIF KEPADA PEMBAYAR
CUKAI TAKSIRAN DI PUTRAJAYA 2021.**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM/MOF)** beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor sahaja** di bawah Kod Bidang 030201 (**cenderamata dan hadiah**) untuk melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Kehadiran Kontraktor / Syarikat bagi taklimat dan lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Kontraktor / Syarikat yang berminat boleh mendapatkan maklumat berkaitan sebut harga berkenaan pada pautan Portal Perbadanan Putrajaya. Dokumen sebut harga boleh didapati semasa waktu pejabat pada **02 OGOS 2021** hingga **11 OGOS 2021** dengan bayaran secara tunai sebanyak **RM50.00** di **Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga, Aras 3 Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya.**
3. Selaras dengan saranan kerajaan dalam usaha membendung penularan pandemik COVID-19, operasi kaunter tender/sebut harga dibuka kepada orang awam melalui JANJI TEMU seperti dipautan di bawah. Hanya pelanggan yang mempunyai janji temu sahaja dibenarkan hadir berurusan.

<https://pelawat.ppj.gov.my>



4. Kontraktor dikehendaki membawa dokumen-dokumen **Asal** dan **satu (1) salinan** sijil yang berkaitan. Wakil-wakil kontraktor adalah **diwajibkan** untuk membawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani oleh **Pemilik Syarikat** untuk membeli dokumen sebut harga.
5. Sebut Harga ini akan ditutup pada **23 OGOS 2021** bersamaan hari Isnin dan semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada alamat berikut: **Seksyen Perolehan & Bekalan Perkhidmatan, Jabatan Kewangan, Aras 1, Blok C, Perbadanan Putrajaya, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya.**
6. Penyerahan dokumen kepada Perbadanan Putrajaya akan dilaksanakan melalui perkhidmatan kiriman pos berdaftar/kurier dengan syarat-syarat seperti berikut:
 - i. Segala kos penghantaran ditanggung sepenuhnya oleh Penyebut Harga;
 - ii. Penyebut Harga hendaklah memastikan dokumen yang dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dipertimbangkan;
 - iii. Perbadanan Putrajaya tidak akan bertanggungjawab sekiranya dokumen yang dihantar rosak/hilang; dan
 - iv. Sebarang tuntutan kerugian yang timbul dalam pelaksanaan ini tidak akan dipertimbangkan.
7. Sila ambil perhatian, Perbadanan Putrajaya tidak akan mengeluarkan sebarang dokumen bagi tujuan kebenaran merentas negeri/daerah. Kontraktor/wakil yang berurusan di kaunter jualan tender/sebut harga dikehendaki mematuhi S.O.P yang telah ditetapkan.

(SUHAILA BINTI ELEAS)
Naib Presiden
Jabatan Kewangan
Perbadanan Putrajaya